

**PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN DAN INSTRUMENTASI •  
CENTRE FOR RESEARCH AND INSTRUMENTATION MANAGEMENT**

Rujukan : UKM.PPI.800-1/3/28  
Tarikh : 26 Februari 2021

**SENARAI EDARAN SEPERTI PADA LAMPIRAN**

YBhg. Prof. Ulung/Datuk/Dato'/Datin/Prof./Tuan/Puan,

**PENGURUSAN PERINGKAT UKM BAGI PERMOHONAN SKIM DANA PEMBANGUNAN DAN PENYELIDIKAN (R&D) KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI & INOVASI (MOSTI) DI BAWAH RANCANGAN MALAYSIA KE-12**

Dengan hormatnya izinkan saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) telah melancarkan Malaysia Grand Challenge (MGC) pada 8 Januari 2021 sebagai usaha menggalakkan aktiviti penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan dan inovasi (R&D&C&I) negara. Sebanyak RM220 juta telah diperuntukkan untuk geran seperti berikut:

- (i) Applied Innovation Fund (AIF)
- (ii) Technology Development Fund 1 (TeD1)
- (iii) Technology Development Fund 2 (TeD2)
- (iv) Bridging Fund (BGF)
- (v) Strategic Research Fund (SRF)
- (vi) MOSTI Combating Covid-19

3. Sebagai makluman kepada YBhg. Prof. Ulung/Datuk/Dato'/Datin/Prof./Tuan/Puan, maklumat penting berkaitan permohonan dana ini adalah seperti berikut:

- (i) Permohonan dana ini dibuka sepanjang tahun dan tertakluk kepada kecukupan baki peruntukan MOSTI.
- (ii) Permohonan perlu dibuat secara dalam talian menggunakan Sistem eDana melalui pautan <https://edana.mosti.gov.my/>.
- (iii) Pemohon perlu memuatnaik dokumen sokongan seperti dinyatakan dalam Garis Panduan setiap dana.
- (iv) Penyelidik dinasihatkan untuk sentiasa merujuk Garis Panduan melalui portal Sistem e-Dana dari semasa ke semasa kerana MOSTI berhak mengubah garis panduan ini pada bila-bila masa tanpa sebarang notis.
- (v) Slide Taklimat MOSTI dan Garis Panduan bagi setiap dana dilampirkan untuk rujukan dan garis panduan ini berkuat kuasa mulai 1 Januari 2021.



**PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN DAN INSTRUMENTASI**

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia  
Tel.: +603-8921 4679 Faks: +603-8921 4550 E-mel: drmc@ukm.edu.my Web: <http://research.ukm.my>

4. Pengurusan dana ini melibatkan kerjasama secara sinergi tiga (3) entiti penyelidikan dan inovasi UKM, iaitu CRIM, Pusat IDEA UKM dan INOVASI@UKM™. Ketiga-tiga entiti ini secara bersama akan membantu penyelidik menghasilkan kertas cadangan penyelidikan berkualiti dan menepati keperluan garis panduan. Peranan dan tanggungjawab setiap entiti adalah sebagaimana Carta Alir Pengurusan Dana MOSTI di Peringkat UKM seperti pada **Lampiran 1**.

5. Pihak Pengurusan di bawah entiti Penyelidikan dan Inovasi UKM telah merancang strategi pengurusan permohonan dana ini seperti di bawah:

No.	Bentuk	Jenis Permohonan	Proses Pemurnian & Pementoran
i.	Bawah ke Atas (Bottom-up)	Permohonan dibuka kepada semua penyelidik/kumpulan penyelidikan yang berminat, berkelayakan dan memenuhi syarat permohonan.	Sekretariat Penyelidikan PTJ, Pusat IDEA UKM & Pakar Bidang
ii.	Atas ke Bawah (Top-down)	Pusat IDEA bersama Sekretariat Penyelidikan PTJ mengenal pasti penyelidik/kumpulan penyelidikan yang berpotensi untuk memohon.	

6. Bagi kedua-dua bentuk permohonan yang tersebut di atas, para penyelidik (pemohon) dimohon untuk mengambil maklum dan memberikan perhatian terhadap perkara-perkara berikut:

- (i) Semua permohonan akan melalui proses pemurnian dan pementoran cadangan penyelidikan yang akan diselaraskan oleh Sekretariat Penyelidikan PTJ bersama Pusat IDEA UKM dan Pakar Bidang.
- (ii) Pemohon perlu mengemukakan idea dan cadangan penyelidikan kepada INOVASI@UKM™ bagi tujuan saringan dan pengesahan.
- (iii) Pemohon seterusnya mengemukakan permohonan melalui Sistem e-Dana setelah Cadangan penyelidikan telah melepassi saringan, semakan dokumentasi dan pengesahan daripada INOVASI@UKM™.

7. Di peringkat UKM, pihak CRIM bersetuju penghantaran permohonan ke MOSTI sebanyak empat (4) kitaran mengikut jadual yang telah ditetapkan seperti di bawah:



CERTIFIED TO MS ISO 9001:2015

Cert. No. QMS 02549

#### PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN DAN INSTRUMENTASI

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Tel.: +603-8921 4679 Faks: +603-8921 4550 E-mel: drmc@ukm.edu.my Web: http://research.ukm.my



<b>Kitaran</b>	<b>Tarikh akhir penghantaran PTJ ke INOVASI@UKM™</b>	<b>Tarikh akhir penghantaran UKM ke MOSTI</b>
Mac	31 Mac 2021	7 April 2021
Jun	30 Jun 2021	7 Julai 2021
September	30 September 2021	7 Oktober 2021
Disember	31 Disember 2021	7 Januari 2022

8. Sukacita dimaklumkan bahawa, pihak MOSTI bersedia untuk mengendalikan klinik dana secara dalam talian berdasarkan permintaan daripada penyelidik/kumpulan penyelidikan, mengikut jenis dana yang ingin dimohon. Klinik dana ini bertujuan untuk penyelidik mendapatkan info lanjut dan konsultasi mengenai permohonan dana. Penyelidik/kumpulan penyelidikan yang berminat boleh memaklumkannya kepada CRIM untuk CRIM mengaturkan sesi klinik berkenaan dengan pihak MOSTI.

9. Justeru, kerjasama pihak YBhg. Prof. Ulung/Datuk/Dato'/Datin/Prof./tuan/puan adalah dipohon untuk mengambil maklum mengenai pengurusan dana ini dan membuat hebahan kepada penyelidik di PTJ, serta mengambil tindakan sebagaimana peranan PTJ sebagaimana yang dinyatakan pada Carta Alir proses pengurusan dana ini. Sebarang pertanyaan mengenai perkara ini, pihak YBhg. Prof. Ulung/Datuk/Dato'/Datin/Prof./tuan/puan boleh menghubungi pegawai-pegawai berikut:

Puan Syafura Abdul Halim (03-89214679) Cik Adila Abdul Rasib (03-89214392)	CRIM
Puan Nor Eloni Nor Azmi (03-89118263)	Pusat IDEA
Encik Mohd Firdaus Md Sahat (03-89214821)	INOVASI@UKM™

10. Sekian dulu untuk makluman dan tindakan selanjutnya oleh pihak YBhg. Prof. Ulung/Datuk/Dato'/Datin/Prof./tuan/puan. Kerjasama pihak YBhg. Prof. Ulung/Datuk/Dato'/Datin/Prof./tuan/puan dalam perkara ini didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

Yang benar,

**PROF. DR. ISMANIZAN ISMAIL**

Pengarah  
Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Instrumentasi

Berlampir



**PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN DAN INSTRUMENTASI**

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia  
Tel.: +603-8921 4679 Faks: +603-8921 4550 E-mel: drmc@ukm.edu.my Web: http://research.ukm.my



s.k. :

- YBhg. Prof. Dato' Ir. Dr. Abdul Wahab Mohammad  
Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi UKM
- YBhg. Prof. Ir. Dr. Mohd Sobri Takriff  
Pengarah  
Pusat IDEA UKM
- YBhg. Prof. Madya Dr. Maslina Jamil  
Pengarah  
Pusat Inovasi dan Pemindahan Teknologi (INOVASI@UKM™)



PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN DAN INSTRUMENTASI

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia  
Tel.: +603-8921 4679 Faks: +603-8921 4550 E-mel: drmc@ukm.edu.my Web: <http://research.ukm.my>

Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • *Inspiring Futures, Nurturing Possibilities*



[www.ukm.my](http://www.ukm.my)